

12 DEC 1998
Najib-Pemuda
PEMUDA UMNO BOLEH MENKRIKTIK PEMIMPIN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno tidak harus menjadi tukang ampu sebaliknya boleh mengkritik pucuk pimpinan parti, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata Pemuda boleh membuat apa jua kritikan asalkan mengikut saluran parti kerana pucuk pimpinan harus dilihat sebagai satu institusi yang mesti dihormati dan dianggap seperti bapa.

Oleh demikian Pemuda, sebagai benteng parti, juga harus mempertahankan pucuk pimpinan parti dalam apa jua keadaan sekalipun, kata Najib ketika menyampaikan uaputama forum "Pemuda Umno Di Alaf Baru: Menjulang Obor Perjuangan Umat Melayu" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

"Pemuda Umno jangan sekali-kali menentang pucuk pimpinan parti tetapi mestilah menganggap Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai bapa.

"Ini bukan bererti Pemuda harus menjadi kaki bodek tetapi hakikatnya ialah pucuk pimpinan adalah satu institusi yang mesti dihormati dalam parti.

"Pertahankan pucuk pimpinan... bila kita menyuarakan hasrat orang yang di bawah, ia adalah untuk memperkuatkan pucuk pimpinan dan bukan melemahkannya," katanya.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata Pemuda Umno harus terus menjadi pelopor reformasi kerana Umno merupakan parti yang membawa reformasi yang paling baik dan berkesan untuk agama bangsa dan negara.

"Perkataan reformasi jangan dibiarkan menjadi milik orang lain kerana ia akan menggambarkan Umno khususnya Pemuda tidak membuat perubahan yang perlu dan sesuai sedangkan Umno sudah lama membuat reformasi melalui sistem yang diamalkan," katanya.

Beliau mengingatkan Pemuda Umno bahawa perubahan yang hendak dijalankan mestilah dalam lingkungan sistem yang diamalkan, yang menghormati undang-undang dan perlembagaan parti dan bukannya reformasi di jalanan.

"Perjuangan Pemuda mestilah bermatlamat yang ideal tetapi tetap berpijak di bumi nyata, mampu menghayati hati nurani umat Melayu di samping terus menjadi benteng agama, bangsa dan negara," kata Najib yang 17 tahun lalu aktif dalam pergerakan itu.

Beliau juga meminta lebih 500 anggota Pemuda yang hadir pada forum itu supaya meningkatkan penguasaan ilmu dan teknologi maklumat supaya dapat terus berusaha memastikan tercapainya matlamat negara dalam Wawasan 2020.

Menjelaskan sedikit mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kabinet dan parti, beliau berkata Dr Mahathir bertindak demikian kerana "tidak mahu keaiban yang lebih besar berlaku di masa depan."

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein sebelum itu berkata Pemuda mesti bersyukur menjadi warga kelahiran Dasar Ekonomi Baru hasil perjuangan Umno dan mesti sanggup mempertahankan negara dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa.

"Pemuda akan menjadi barisan hadapan menghadapi cabaran ini," katanya.

-- BERNAMA

MNY RON